

12/08/1998

Pameran Apec dijangka tarik 20,000 pelawat

SERAMAI 20,000 pelawat dalam dan luar negara dijangka mengunjungi pameran Perdagangan Antarabangsa Apec yang akan berlangsung selama empat hari bermula 13 November di Pusat Pameran Antarabangsa Mines, Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, lebih 50 syarikat tempatan sudah mengesahkan penyertaan mereka. Pameran itu bertemakan Mempertingkatkan Keupayaan Global Melalui Teknologi dan Pembangunan Sumber Manusia.

Antaranya ialah Petronas, Kumpulan DRB-Hicom, Telekom Malaysia Bhd, Golden Hope Plantations, Kumpulan Renong, Southern Bank Berhad, Celcom Malaysia Sdn Bhd dan Malaysian Sheet Glass Bhd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pameran empat hari yang akan memberi tumpuan pada bagaimana teknologi baru dan tenaga manusia yang mahir menyumbangkan kepada pembangunan dinamis ekonomi APEC.

Lima syarikat Malaysia yang mengesahkan penyertaan mereka dalam pameran perdagangan itu memeterai perjanjian dengan pihak penganjur. Syarikat berkenaan adalah Artwright Holdings Bhd, Celcom (Malaysia) Sdn Bhd, DRB Hicom Group, Hunza Marine Products Sdn Bhd, Southern Bank Bhd dan Telekom Malaysia Bhd.

Ia anjuran bersama FMM Exhibition Services Sdn Bhd, anak syarikat Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dan diuruskan Reed Exhibitions Sdn Bhd.

Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Mohammed Abdul Halim, berkata Malaysia mempunyai hubungan yang penting dan kian berkembang dengan negara anggota APEC menyumbangkan 78.2 peratus kepada jumlah dagangan negara itu.

Beliau berkata, tahun lalu, jumlah dagangan Malaysia dengan negara APEC bernilai RM345.9 bilion, peningkatan hampir tiga kali ganda daripada RM122.5 bilion pada tahun 1990.

"Pameran perdagangan ini memberi peluang kepada peniaga tempatan untuk mengetengahkan produk, teknologi dan perkhidmatan kepada pelawat yang hadir," katanya.

(END)